



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## GELANDANGAN DITAWARKAN PERKERJAAN DI BAWAH ROGRAM PERSEDIAAN KERJAYA

Ketika bermula Perintah Larangan Pergerakan (PKP), hasrat awal saya adalah untuk melindungi golongan gelandangan dari bahaya penularan wabak Covid-19 dan mengelakkan daripada mereka merayau-merayau dan menjadi punca penularan wabak ini. Ketika itu Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri WP (JKKNWP) yang saya pengerusikan telah diberi makluman bahawa jumlah gelandangan hanya sekitar 300 orang.

Saya telah mengarahkan agar semua gelandangan ini ditempatkan di Pusat Transit Gelandangan Jalan Pahang yang boleh menempatkan 150 orang dan Anjung Singgah yang boleh menempatkan 70 orang gelandangan. Saya juga telah mengarahkan agar kedua-dua penempatan ini diperbaiki dan meminta Majlis Agama Islam Wilayah (MAWIP) membeli 100 tilam dan bantal baru bagi menggantikan tilam dan bantal yang telah rosak dan hilang. Mereka juga diberikan makan sekurang-kurangnya 3 kali sehari.

Bagaimanapun jumlah gelandangan di Kuala Lumpur rupanya melebihi angka 300. Bermula dengan hanya dua pusat gelandangan, hari ini, jumlah Penempatan Sementara Gelandangan telah bertambah kepada 12. Jumlah gelandangan yang dikesan dan ditempatkan di pusat gelandangan juga telah bertambah, iaitu dari sekitar 250 orang pada 24 Mac 2020 kepada 908 orang, termasuk 71 daripadanya merupakan warga asing. Sehingga 7 Mei 2020, pusat-pusat penempatan gelandangan ini masih menempatkan sejumlah 753 orang gelandangan, 670 orang daripadanya lelaki, 79 orang wanita dan 4 orang kanak-kanak.

Hari ini pengurusan gelandangan sudah tidak hanya bertujuan untuk menghalang pergerakan mereka sepanjang tempoh PKP, tetapi termasuk juga membuat penilaian psikologi ke atas setiap mereka, memupuk perubahan sikap dan menyediakan peluang pekerjaan agar mereka tidak kembali bergelandangan.

KWP, DBKL dan Jabatan Tenaga Kerja WP Kuala Lumpur melaksanakan Program Persediaan Kerjaya Dan Temuduga Kerja sebagai satu usaha untuk mengubah kehidupan golongan gelandangan di Wilayah Persekutuan. Selain peluang perkerjaan,

program ini juga memberikan peluang latihan kemahiran kepada gelandangan melalui Pusat Giat Mara dan Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur. Selain itu, pelaksanaan program ini juga dibantu oleh JKM, PERKESO, AKPK, Kementerian Wanita, MDEC dan lain-lain agensi kerajaan dan NGO.

Pada 5 Mei 2020, pihak Jabatan Tenaga Kerja WP Kuala Lumpur dengan kerjasama KWP, DBKL telah memberikan taklimat persediaan kerjaya di tiga (3) Pusat Sementara Gelandangan (PSG) iaitu di PSG Desa Tasik, PSG Ampang Hilir dan PSG Sentul Perdana. Sesi taklimat kerjaya dan temuduga juga akan diadakan di enam (6) lagi Pusat Sementara Gelandangan minggu hadapan. **Tiga (3) syarikat iaitu Adabi Consumer Industries Sdn Bhd, Hartalega NGC Sdn Bhd dan Harumi Brands Sdn Bhd** telah membuat saringan temuduga **kepada 72 orang gelandangan (lelaki) dan seramai 21 gelandangan telah ditawarkan pekerjaan yang akan mula berkerja pada 13 Mei 2020. Baki 51 orang akan ditemuduga oleh majikan lain dalam masa terdekat ini.**

Terdapat sembilan (9) majikan yang telah dikenalpasti termasuk **Adabi Consumer Industries Sdn Bhd, Hartalega NGC Sdn Bhd dan Harumi Brands Sdn Bhd, Top Glove Sdn. Bhd, Tesco Malaysia dan Trendcell Sdn Bhd** yang memenuhi kriteria Jabatan Tenaga Kerja WPKL serta mematuhi syarat SOP MITI. Kesemua syarikat ini akan menyediakan kemudahan tempat tinggal, mematuhi Perintah Gaji Minima di bawah Perintah Gaji Minimum 2020, mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dibawah Akta Kerja 1955. Para gelandangan ini juga turut memperoleh kemudahan-kemudahan seperti cuti tahunan, cuti sakit, cuti bergaji, bayaran lebih masa dan lain-lain peruntukan di bawah akta ini. Perlindungan PERKESO dan caruman KWSP juga menjadi salah satu syarat yang diwajibkan.

Dijangka program penempatan pekerjaan oleh Jabatan Tenaga Kerja WPKL ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada lebih 300 orang gelandangan bagi fasa pertama. Pada masa yang sama sebuah syarikat pembuatan sarung tangan sedang mengusahakan satu program khas yang membolehkan kerja-kerja pembungkusan barangan dibuat Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan di Anjung Singgah. 70 orang gelandangan bakal menyertai program khas tersebut.

Hasrat saya adalah untuk memastikan golongan gelandangan ini mempunyai kehidupan yang lebih baik dan tidak kembali kepada kehidupan bergelandangan selepas ini.

**TAN SRI TPr. ANNUAR BIN HJ MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**8 Mei 2020**